

# **Soalan-soalan Asas Dalam Peperiksaan Untuk Jawatan Kerja Kerajaan**

Ebook ini adalah percuma saja untuk anda. **Anda boleh berikannya pada sesiapa saja.** Semoga ianya dapat dimanfaatkan bersama oleh mereka yang berminat untuk memasuki bidang kerja di sektor awam.

Ebook ini hanyalah sebagai panduan. Ianya tidak menjamin anda lulus peperiksaan untuk temuduga bagi jawatan yang tertentu dalam sektor awam. Apapun ianya diharapkan memberikan info yang berguna kepada anda.

Untuk makluman, info dalam ebook ini telah dikongsikan oleh seorang rakan kita kepada saya. Oleh itu, saya juga akan berkongsi dengan anda. Ebook ini saya olah sedikit saja dari yang asal.

**Jamal**

**[Admin Kerja-kerajaan.com](http://AdminKerjakerajaan.com)**

## Pengenalan

Peperiksaan ini bertujuan **menguji kebolehan calon berfikir secara sistematik**. Di samping itu ia juga bertujuan menguji sejauh mana calon dapat menggunakan ilmu pengetahuan yang telah diperolehi melalui latihan akademik, bacaan dan pengalamannya. Adalah ditegaskan di sini bahawa peperiksaan ini tidak sekali-kali bertujuan mengukur ilmu pengetahuan calon semata-mata dalam sesuatu bidang yang khusus. Soalan-soalan yang dikemukakan meliputi berbagai-bagai lapangan ilmu pengetahuan.

Calon-calon yang mengambil peperiksaan ini adalah dari beraneka jurusan dan soalan juga adalah dari berbagai-bagai bidang ilmu pengetahuan. Oleh yang demikian mungkin ada soalan-soalan yang anda tidak boleh menjawab kerana di luar bidang ilmu pengetahuan anda tetapi anda tidak perlu bimbang kerana ada pula soalan-soalan yang anda seharusnya boleh menjawab sebab perkara-perkara itu di dalam bidang ilmu pengetahuan anda. Tegasnya peperiksaan ini adalah untuk menguji kematangan pemikiran anda yang telah anda semai dan pupuk sepanjang riwayat persekolahan dan pengajian anda. Kesimpulannya matlamat akhir peperiksaan ini adalah untuk **mengukur kualiti dan potensi anda sebagai Penjawat Awam**.

Peperiksaan ini mengandungi **5 kertas berasingan**. Tiap-tiap kertas adalah penting dan wajib kerana tiap-tiap satu kertas itu menduga calon dalam satu atau dua aspek sahaja. Calon-calon hendaklah menunjukkan prestasi yang baik bagi kesemua 5 kertas yang disediakan. Jika seseorang calon itu menunjukkan prestasi yang sangat baik bagi 1 atau 2 kertas sahaja dan menunjukkan prestasi yang amat buruk bagi kertas-kertas yang lain maka calon tersebut tidaklah menunjukkan prestasi yang baik pada keseluruhan peperiksaan. Di sebaliknya jika seseorang calon mendapat markah memuaskan bagi tiap-tiap kertas, maka ini bermakna calon itu menunjukkan prestasi yang dianggap baik bagi keseluruhan peperiksaan ini. Oleh itu calon-calon adalah dinasihatkan supaya jangan menumpukan kepada satu atau dua kertas sahaja.

Kelulusan dalam peperiksaan ini adalah satu daripada syarat lantikan. Anda akan dipanggil temuduga jika memenuhi syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia.

## **Panduan Umum**

1. Di hari peperiksaan calon hendaklah membawa perkara-perkara berikut:
  - i. Surat Panggilan Menduduki Peperiksaan
  - ii. Kad Pengenalan
  - iii. Pensil 2B atau BB, pen dan pemadam lembut.
  - iv. Lain-lain peralatan yang difikirkan perlu.
2. Calon-calon mestilah berada di pusat peperiksaan lima belas (15) minit sebelum peperiksaan dimulakan.
3. Calon-calon mestilah mematuhi arahan Ketua Pengawas.
4. Calon-calon tidak dibenarkan bercakap atau cuba berhubung dengan lain-lain calon. Sila angkat tangan jika ada masalah atau pertanyaan.
5. Calon-calon hanya boleh meninggalkan dewan peperiksaan selepas tiga (30) minit masa peperiksaan dimulakan.

6. Semua jawapan hendaklah dibuat dalam kertas jawapan yang disediakan iaitu :

i. Kertas OMR - bagi soalan-soalan dalam Seksyen A,B dan C.

ii. Kertas tulis SPA - bagi soalan-soalan esei dalam Seksyen D dan E.

7. No. Kad Pengenalan yang dicatat pada kertas jawapan hendaklah sama seperti dalam Surat Panggilan Menduduki Peperiksaan.

## **Sukatan Peperiksaan**

Peperiksaan ini mempunyai satu **(1) bahagian** dan dibahagikan kepada **lima (5) seksyen** seperti berikut

Seksyen A - Pengetahuan Am mengenai Malaysia dan Alam Sekeliling.

Seksyen B - Daya menyelesaikan Masalah.

Seksyen C - Pengertian Dan Kefahaman Terhadap Esei-esei.

Seksyen D - Esei Bahasa Melayu.

Seksyen E - Esei Bahasa Inggeris.

## SEKSYEN A - PENGETAHUAN AM MENGENAI MALAYSIA DAN ALAM SEKELILING

Masa : 45 minit

Bilangan soalan : 60

Markah : 30

Di dalam kertas peperiksaan ini calon dikehendaki mengetahui secara umum perkara-perkara berkenaan dengan pemerintahan di Malaysia dan perkara-perkara lain berkenaan dengan **politik, ekonomi, sosial, sains, teknologi, sastera, kebudayaan, kesenian, muzik, sukan dan lain-lain perkembangan di seluruh dunia pada amnya dan khususnya yang ada kena mengena dengan Malaysia**. Perkara ini terlalu umum dan tidak ada buku-buku teks yang tertentu untuk dibaca dan soalan-soalan akan disediakan begitu meluas.

Soalan-soalan akan ditarafkan kepada peringkat pengetahuan am yang difikirkan patut diketahui oleh rakyat Malaysia yang mempunyai Ijazah Sarjana Muda di dalam aneka lapangan akademik. Siswazah-siswazah yang selama ini mengikuti perkembangan-perkembangan dunia melalui surat khabar, majalah dan buku-buku akan mudah menjawab soalan-soalan ini. Tujuan Seksyen ini adalah untuk menguji daya kesedaran calon terhadap perkara yang berlaku di dunia sekelilingnya pada amnya dan Malaysia khususnya.

### Contoh Soalan

1. Deklarasi Kuala Lumpur 1971 ialah satu persetujuan mengenai :

- A. Penubuhan ASEAN.
- B. Penubuhan Kawasan aman, bebas dan berkecuali di Asia Tenggara.
- C. Penubuhan pasaran bersama untuk ASEAN.
- D. Keputusan Filifina berkenaan dengan pengguguran tuntutan Kerajaan mereka ke atas Sabah.
- E. Penubuhan pakatan ketenteraan di antara negara-negara ASEAN.

**Jawapan – B**

2. Apabila Yang di-Pertuan Agong melantik Perdana Menteri, baginda hendaklah memilih seorang ahli Dewan Rakyat yang boleh mendapat sokongan majoriti dan ia mestilah seorang yang

- A. Beragama Islam
- B. Pernah menjadi Menteri Kabinet
- C. Keturunan Melayu.
- D. Menjadi warganegara mengikut operasi undang-undang
- E. Menjadi warganegara secara masukan.

**Jawapan – D**

## **SEKSYEN B – DAYA MENYELESAIKAN MASALAH**

Masa : 45 minit

Bilangan Soalan : 40

Markah : 20

Di dalam kertas ini calon-calon dikehendaki menyelesaikan masalah-masalah dengan menggunakan:

**(i) Logik untuk menyelesaikan masalah ;**

**(ii) Menginterpretasi Data; dan**

**(iii) Konsep-konsep matematik;**

**(I) Kebolehan menggunakan logik untuk menyelesaikan masalah.**

**(i) Logik untuk menyelesaikan masalah ;**

Di dalam soalan ini calon-calon dikehendaki menggunakan kepintaran pemikiran dan juga logik untuk memberi jawapan yang tepat ataupun untuk mengenal jawapan-jawapan yang salah. Calon-calon akan diberi berbagai-bagai masalah. Calon-calon dikehendaki menggunakan segala kepintaran berfikir untuk mencari jawapan.

### **Contoh Soalan**

1. Sila pilih kenyataan-kenyataan yang boleh dipercayai yang telah diberikan oleh individu berikut:

Peguambela : "Yang dituduh tidak bersalah kerana ia tidak berada di tempat kejadian jenayah berlaku".

Jururawat : "Jika awak makan ubat ini tiga (3) kali sehari, awak akan sembuh dengan segera".

Profesor : "Keadaan inflasi di Malaysia akan Ekonomi berkurangan dalam masa dua (2) tahun lagi memandangkan perkembangan ekonomi dunia sekarang".

Penganggur : "Saya sudah mohon kerja di lima buah tempat, tetapi semua memberi jawapan tidak ada kerja kosong".

- A. Peguambela
- B. Jururawat.
- C. Profesor Ekonomi
- D. Penganggur
- E. Penguambela dan Jururawat.

### **Jawapan – D**

#### **Penjelasan**

Kenyataan peguambela tidak boleh diterima kerana ia ialah satu kenyataannya sahaja,

yang mungkin tidak terbukti, yang memutuskan secara muktamad ialah Hakim. Lagipun penguambela sudah tentu menyebelahi pihak anak guamnya.

Kenyataan Jururawat tidak boleh diterima kerana Jururawat tidak dapat menjamin penyakit boleh sembuh.

Kenyataan Profesor Ekonomi tidak boleh diterima kerana ia merupakan satu ramalan sahaja.

Hanya kenyataan penganggur sahaja yang boleh diterima kerana ia adalah kenyataan benar berlaku kepadanya.

2. Mengikut Undang-undang perbuatan mencuri adalah mengambil harta orang lain dengan tujuan melarikan harta itu daripada yang mempunyainya.

Pada suatu hari Y telah pergi ke kedai dan mengambil sebungkus coklat dengan tidak membayar dan telah memakan coklat tersebut. Sehari kemudian Y berperasaan kesal dan telah balik ke kedai tersebut dan membuat pengakuan bahawa ia telah mengambil coklat itu. Dia juga meminta maaf dan sanggup membayar balik harga coklat itu. Tuan punya kedai itu tidak mahu menerima bayaran dan sebaliknya telah membuat laporan kepada Polis. Dalam keadaan ini mengikut petikan Undang-undang seperti di atas, Y adalah

- A. tidak bersalah kerana ia sanggup membayar coklat tersebut.
- B. bersalah kerana tuan punya kedai tidak memaafkannya.
- C. bersalah kerana mengambil coklat itu tanpa bayaran.
- D. tidak bersalah kerana ia sudah membuat pengakuan ia mengambil coklat itu dengan sengaja.
- E. tidak bersalah kerana ia sudah meminta maaf.

### **Jawapan – C**

#### **Penjelasan**

Persoalan pokok di sini ialah sama ada perbuatan Y itu dianggap sebagai mencuri atau tidak disisi Undang-undang. Nyata sekali Y telah mengambil coklat itu dan memakannya

dan dengan itu, "melarikan harta itu daripada yang mempunyainya". Dengan itu Y adalah bersalah. Oleh yang demikian jawapan yang boleh diterima ialah di antara B dan C. Y bersalah bukan kerana tidak dimaafkan oleh tuan punya kedai tetapi Y bersalah kerana telah mengambil coklat itu tanpa bayaran. Soal sama ada tuan kedai memaafkannya atau tidak, tidak timbul. Oleh yang demikian jawapan yang paling tepat ialah C.

### **(ii) Kebolehan Menginterpretasi Data**

Calon akan diberikan beberapa masalah yang menggunakan berbagai-bagai perangkaan. Daripada berbagai-bagai perangkaan ini calon dikehendaki menganalisisnya untuk menyelesaikan masalah-masalah yang dikemukakan. Untuk memudahkan calon memberi jawapan, calon-calon adalah digalakkan menggunakan graf, jadual dan sebagainya.

### **(iii) Menyelesaikan Masalah dengan Menggunakan Konsep-konsep Matematik.**

Konsep matematik yang digunakan termasuklah algebra dan geometri. Asas-asas matematik yang digunakan adalah tidak melebihi sukatan peperiksaan tingkatan 5 (SPM). Oleh yang demikian adalah dianggap soalan-soalan ini sesuai untuk semua calon kerana semua calon telah melalui Tingkatan 5. Walaupun ada calon-calon yang pengkhususannya ialah matematik di peringkat universiti, ini tidak bermakna lebih mudah bagi mereka menjawab daripada calon-calon yang lain kerana soalan-soalan ini adalah lebih merupakan soalan logik, hanya penyelesaian masalah memerlukan pengetahuan konsep-konsep matematik di peringkat Tingkatan 5.

### **Contoh Soalan**

1. Dalam satu pertandingan Bola Sepak sebanyak 8 pasukan mengambil bahagian. Jika perlawanan diadakan secara liga (setiap pasukan mesti bertemu antara satu sama lain) berapakah jumlah permainan yang akan dilangsungkan dalam pertandingan tersebut?

- A. 28
- B. 49
- C. 56
- D. 62
- E. 64

**Jawapan – A**

### **Cara mendapat jawapan**

Ada 8 pasukan yang mengambil bahagian. Tiap-tiap pasukan mesti bertemu antara satu dengan lain. Oleh itu tiap-tiap pasukan mesti bermain sebanyak 7 kali. Ini bermakna terdapat 56 ( $8 \times 7$ ) permainan, tetapi satu pasukan bertemu dengan pasukan lain hanya sekali. Oleh itu untuk mengelakkan pengiraan dua kali permainan maka jumlah permainan ialah  $8 \times 7 / 2 = 28$

2. Di dalam sebuah kelas ada 40 orang penuntut. 90% daripada mereka mengambil peperiksaan;  $3/4$  daripada yang mengambil peperiksaan itu telah lulus. Berapakah jumlah penuntut yang lulus.

- A. 27
- B. 30
- C. 33
- D. 36
- E. 37

**Jawapan – A**

### **Cara mendapat jawapan**

90% daripada 40 = 36

$3/4$  daripada 36 = 27

## **SEKSYEN C - PENGERTIAN DAN KEFAHAMAN TERHADAP ESEI-ESEI**

Masa : 35 Minit

Bilangan Soalan Objektif : 20 Soalan

Markah : 10

Calon-calon akan diberi 4 petikan esei yang mengandungi di antara 300 hingga 400 perkataan setiap satu iaitu 2 dalam Bahasa Melayu dan 2 dalam Bahasa Inggeris. Bagi setiap esei calon akan diberi 5 soalan yang akan menguji kefahaman dan pengertian calon terhadap esei yang diberi. Bagi esei-esei dalam Bahasa Melayu soalan-soalannya adalah dalam Bahasa Melayu. Bagi esei-esei Bahasa Inggeris, soalan-soalannya adalah dalam Bahasa Inggeris. Soalan-soalan akan berasaskan kepada esei yang diberi dan bukan kepada pengetahuan calon sendiri. Oleh yang demikian jawapan hendaklah berpandukan kepada kandungan esei yang diberikan. Soalan-soalan akan ditumpukan kepada perkara-perkara seperti berikut:

- (i) Perkara yang penting yang dinyatakan atau tujuan utama esei tersebut;
- (ii) Penerangan-penerangan atau kenyataan yang nyata dan jelas seperti tersebut dalam esei;
- (iii) Kenyataan-kenyataan ataupun pemikiran yang disindir atau tempelak daripada esei tersebut;
- (iv) Aliran pemikiran dan asas-asas perbahasan seperti yang diberi oleh penulis;
- (v) Perasaan penulis itu sama ada menyokong atau menolak, memberi pendapat yang bebas suka/duka dan sebagainya.

### **Contoh Soalan**

#### **Esei**

Takhta juga menjadi pemerintah atau kerajaan. Raja mempunyai kata pemutus mengenai sesuatu perkara.

Baginda kadang-kadang mewakilkan kuasa itu kepada Memanda Menteri atau Bendahara

dan kadangkala menjalankan tugas pemerintahan itu oleh baginda sendiri. Di sinilah timbulnya istilah Kerajaan yang berasal dari konsep "raja yang bekerja". Takhta juga menjalankan peranan sebagai bahan pengadilan, tempat tiap-tiap kes itu dijalankan di hadapan raja di dalam istana, dan rajalah yang menjadi hakim dan memberi kata putus. Sejarah Melayu telah menunjukkan bahawa Hang Tuah telah dihukum bunuh oleh Sultan Melaka atas sifat baginda sebagai hakim. Kemudian, baginda menyesal di atas hukuman itu. Nasib baik Hang Tuah tidak dibunuh, tetapi hanya disembunyikan oleh Bendahara.

Oleh kerana ketiga-tiga tugas yang amat berat itu tidak dilaksanakan secara berkesan oleh seseorang raja, maka tugas itu telah diserahkan dan diwakilkan kepada orang lain untuk menjalankannya. Dalam konteks moden, ketiga-tiga tugas itu dijalankan oleh Parlimen sebagai badan membuat undang-undang pemerintahan atau Kerajaan sebagai badan yang melaksanakan undang-undang dan badan kehakiman sebagai badan pengadilan. Di negara kita, takhta masih kekal sebagai satu simbol lambang perpaduan, sebagai tempat memohon belas kasihan dan pengampunan, dan sebagai gedung pengurniaan bintang-bintang kehormatan.

Sejarah telah menunjukkan juga bahawa di setengah-setengah negara, takhta telah dialihkan dari istana dan ditempatkan di muzium untuk dijadikan bahan sejarah budaya. Pada awal abad kesembilan belas, ada lebih daripada 900 buah takhta dalam dunia ini, tetapi bilangan ini telah turun satu demi satu- kepada 240 buah dalam abad ke dua puluh - hanya terdapat sebanyak 40 buah takhta.

Takhta Merak Kayangan di Iran dari istana ke muzium sejarah kerana rakyat Iran tidak lagi memberi kepercayaan dan taat setia kepada takhta, kononnya Takhta Merak Pahlavi tidak melebihi kuasa yang ada padanya.

Sejarah telah menunjukkan bahawa takhta yang dialihkan dari istana ke muzium sejarah adalah hasil daripada salah nasihat yang diberi oleh penasihat-penasihat istana yang tidak bertanggungjawab kepada rakyat. Sebenarnya penasihat-penasihat istana ini adalah terdiri daripada mereka yang mencari keuntungan jangka pendek bagi kepentingan diri mereka tanpa memikirkan kepentingan rakyat dan negara. Apabila keadaan ini berlaku, maka lambat laun rakyat akan memberontak dan takhta akan tergugat. Walau seberapa banyak sekalipun askar, polis rahsia atau pengawal istana digaji untuk melindungi dan menjaga takhta, namun tidak satu pun akan dapat mengatasi kehendak dan aspirasi rakyat jelata. Walau seberapa banyak peluru bedil atau peluru meriam sekalipun digunakan, namun tidak satu pun dapat menyekat kemaraan aspirasi rakyat. Jika kehendak rakyat dimakbulkan Allah, maka berpindahlah takhta dari istana ke muzium seni dan budaya.

## 1. Mengikut penulis

### A. Raja-raja pemerintah harus diberi kuasa penuh.

- B. Raja-raja pemerintah patut dihapuskan.
- C. Raja-raja pemerintah patut menyerah balik kuasa.
- D. Raja-raja pemerintah patut hanya bertugas sebagai penaung dan pemerintah dibuat oleh rakyat sendiri.
- E. Raja-raja pemerintah patut berkecuali.

**Jawapan – D**

2. Mengikut pendapat penulis Hang Tuah telah dihukum bunuh oleh Sultan Melaka kerana

- A. Sultan mempunyai kuasa yang penuh.
- B. Sultan juga bertindak sebagai hakim.
- C. Hang Tuah telah melakukan kesalahan.
- D. Hang Tuah mencemar Sultan.
- E. Hang Tuah telah menderhaka.

**Jawapan – B**

3. Mengikut pendapat penulis kejatuhan insitusi Raja-raja Pemerintah adalah disebabkan

- A. Raja yang zalim.
- B. Raja tidak mendengar kata rakyat
- C. Raja yang tidak peka.
- D. Raja tidak tahu memerintah.
- E. Raja telah diberi salah nasihat oleh penasihat-penasihat istana.

**Jawapan – E**

**Passage**

Wanted urgently : a national energy policy. An inventory of Malaysia's resources, both

conventional and non conventional. A projection of national energy needs for the century.

Energy is one of the major issues of the moment - and will continue to be for a long time yet - particularly for the developing countries, Malaysia included.

The country's known oil reserves are estimated at only about a billion barrels. It is expected, therefore, to become a net oil importer in about six or seven year.

The fact that a Cabinet Committee on energy exists to deal with policy issues in this area surfaced again recently. In fact the committee was set up in 1978 but it has operated in such a low key that it is scarcely heard of or from.

Likewise the second tier committee of officials which is charged with making recommendations to Ministers and to oversee the implementation of their decisions seem to have led an equally shadowy existence.

This suggests the status of energy has yet to be raised to that of a major policy concern, even though pronouncements by top leaders such as The Prime Minister fully reflect their awareness of the seriousness of the problems that loom ahead. Take the Fourth Malaysia Plan for example. After pouring over the 400 - odd pages document, the reader will find it difficult to resist the conclusion that the energy dimension has not been given an adequate treatment, although it is obvious that no country in today's circumstances can set out a framework for development without it.

The long discussion on an appropriate economic strategy for the 1980s does not refer to energy even in passing while the chapter under which energy has been dumped together with utilities is silent about plans diversifying the energy base.

If one is looking for specific details about the four-fuel strategy announced by The Prime Minister several months ago and reiterated by A Cabinet Minister more recently, one will be disappointed.

Nothing is said about a master plan for the use of gas in the country, expected to be prepared by World Bank by World Bank experts. Nor about the prospects for using local coal for power generation. and what of the progress of the studies undertaken by West German consultants in Sarawak?

These were aimed at determining the feasibility of harnessing the vast hydro potential the

Pelagus rapids and the Balui river and the feasibility of a submarine cable system for transmitting power to Peninsular Malaysia 600 or so miles across the South China Sea.

4. In this passage the author :

- A. is optimistic that Malaysia can solve its future energy problem.
- B. is pessimistic about Malaysia's future energy situation.
- C. is of the opinion that the government is not very concerned with future energy problem.
- D. feels that there must be a greater effort by the government to study the future energy supply and demand.
- E. is pessimistic about the capability of Malaysia to solve its energy problem.

**Correct answer – D**

5. According to the author as, as far as future needs of energy are concerned, the immediate step to be taken by the government is :

- A. to drill more oil.
- B. to use hydro power from Pelagus and Balui.
- C. to carry out a national energy resources survey.
- D. to use the coal resources.
- E. to use oil resources.

**Correct answer – C**

6. According to the author of one is interested to know details about Malaysia's future energy situation

- A. One must read the Fourth Malaysia Plan.
- B. One must read the Prime Minister's recent announcement

- C. One cannot find details anywhere
- D. One has to see the Cabinet Committee Report.
- E. One has to see the Annual Economic Report.

**Correct answer – C**

### **SEKSYEN D – ESEI BAHASA MELAYU**

Soalan : Tiga (3) Soalan Pilih Satu (1)

Masa : 1 jam

Markah : 20

Panjang Esei : 300 hingga 500 perkataan

Di dalam Seksyen D anda akan diberi tajuk yang akan menggalakkan anda untuk memberi pandangan dan pemikiran anda terhadap sesuatu masalah. Misalnya: "Cara-cara hendak menyelesaikan masalah kesesakan lalulintas di bandar Kuala Lumpur". Di dalam tajuk seperti ini anda hendaklah memberikan pendapat-pendapat dengan jelas, teratur dan munasabah. Objektif utama di dalam seksyen ini adalah menguji daya kreativiti dan kebolehan calon-calon di dalam penguasaan Bahasa Melayu.

### **SEKSYEN E – ESEI BAHSA INGGERIS.**

Soalan : Tiga (3) Soalan Pilih Satu (1)

Masa : 1 jam

Markah : 20

Panjang Esei : 200 hingga 300 perkataan

Di dalam Seksyen E akan diberi soalan-soalan Bahasa Inggeris yang menggalakkan anda memberi pendapat terhadap sesuatu isu. Misalnya, "Electronic Government in Malaysia". Di dalam tajuk seperti ini anda hendaklah memberikan pendapat-pendapat dan cadangan-

cadangan anda berkaitan dengan tajuk yang diberi. Objektif utama seksyen ini adalah menguji kebolehan calon-calon di dalam penguasaan Bahasa Inggeris.

## **PANDUAN MENJAWAB SOALAN**

Di bawah ini disampaikan nasihat-nasihat yang perlu diambil ingatan bagi memudahkan anda berjaya di dalam peperiksaan ini.

### **Soalan Objektif**

(Soalan-soalan di dalam Seksyen A, B dan C)

(a) Anda harus sedar bahawa di dalam peperiksaan ini calon-calon yang mengambil bahagian adalah terdiri daripada calon-calon dari pelbagai lapangan akademik. Soalan-soalan juga disediakan meliputi seluas-luasnya bidang akademik. Oleh yang demikian memang mungkin ada beberapa soalan yang anda tidak boleh menjawab langsung kerana ia di luar daripada bidang pengkhususan anda sedangkan soalan-soalan itu sesuai kepada calon-calon yang lain yang mempunyai pengetahuan di dalam bidang tersebut. Oleh yang demikian jika anda mendapati mana-mana satu soalan yang anda tidak boleh menjawab, jangan membuang masa tetapi hendaklah terus menjawab soalan-soalan yang lain. Apabila masa mengizinkan bolehlah anda kembali kepada soalan itu. Tegasnya, jika anda tidak dapat menjawab mana-mana satu soalan, jangan bimbang kerana memang ada soalan-soalan yang lain yang seharusnya anda boleh menjawabnya kerana ia termasuk di dalam bidang pengajian anda.

Soalan objektif merupakan soalan aneka pilihan di mana 5 jawapan diberi dan anda dikehendaki memilih 1. Adalah ditegaskan di sini iaitu jawapan yang dikehendaki bukanlah sahaja jawapan yang betul tetapi ialah yang paling tepat. Apabila anda membaca buat kali pertama anda mungkin akan menjumpai jawapan yang anda anggap betul daripada 5 pilihan yang diberi. Walau bagaimanapun, anda dinasihatkan membaca dan mengkaji kelima-lima jawapan yang yang diberi kerana harus diingat bahawa anda dikehendaki memilih jawapan yang paling tepat. Sebaliknya, jika anda tidak dapat memilih jawapan yang betul dan tepat anda mungkin akan dapat mengenalpasti jawapan yang salah. Dengan meninggalkan jawapan-jawapan yang anda agak salah, maka pemilihan anda akan berkurangan dan ini akan dapat membantu anda memilih jawapan yang lebih tepat daripada jawapan yang tinggal.

Untuk memilih jawapan anda diberi kertas khas yang disediakan yang akan diproses dengan menggunakan komputer. Adalah ditegaskan bahawa anda hendaklah menggunakan pensil 2B atau BB sahaja. Jika anda menggunakan lain-lain alatulis selain

daripada pensil 2B atau BB jawapan anda tidak akan dikira kerana komputer tidak akan menerimanya. Jika anda perlu membuat perkiraan, jawapan contoh dan sebagainya, anda hendaklah menggunakan kertas lain ataupun menggunakan buku soalan yang ada pada anda. Kertas yang disediakan khas untuk jawapan hendaklah digunakan semata-mata untuk jawapan dan tidak boleh digunakan untuk membuat apa-apa tulisan atau catatan yang lain kerana ini akan ditolak oleh komputer dan dengan itu merugikan anda.

### **Soalan Esei**

(Soalan-soalan dalam Seksyen D dan E)

(a) Bahagian Esei dibahagikan kepada dua seksyen iaitu Seksyen D (esei Bahasa Melayu) dan Seksyen E (esei Bahasa Inggeris). Bagi tiap-tiap satu seksyen anda diberi tiga tajuk untuk anda memilih satu.

Masa yang diberi iaitu 1 jam bagi satu esei adalah masa yang agak panjang kerana biasanya di dalam sesuatu peperiksaan anda diberi hanya 30 atau 45 minit sahaja. Tujuan anda diberi masa yang panjang bukanlah untuk menulis esei yang panjang tetapi anda hendaklah memberi esei yang bernas, teratur, cara persembahan dan susunan yang baik. Esei hendaklah ditulis dengan tulisan yang cantik dan anda digalakkan membuat susunan perenggan yang baik dengan menggunakan tajuk-tajuk kecil dan mengemukakan hujah-hujah dengan teratur dan mengikut logik. Oleh yang demikian anda adalah dinasihatkan mengambil masa sekurang-kurangnya 10 minit untuk membuat perancangan, membuat nota, rangka dan sebagainya sebelum menulis esei ini.

### **PENUTUP**

Anda sekali lagi dinasihatkan supaya cuba mendapatkan markah setinggi-tinggi yang terdaya. Jika anda lulus, maka anda mungkin berpeluang untuk dipanggil temuduga. Jika dah berjaya dipanggil temuduga, bolehla anda baca pula **ebook Rahsia Lulus Temuduga Kerja Kerajaan dan yang lain-lain** dengan mendapatkannya di [www.kerja-kerajaan.com](http://www.kerja-kerajaan.com)

Sekian terima kasih.

DAPATKAN EBOOK YANG AMAT DICARI-CARI OLEH MEREKA  
YANG **BERMINAT DENGAN KERJA KERAJAAN** SEKARANG INI..



Ebook Yang Telah Membantu Ramai Mereka Yang **Berjaya** Dalam Temuduga Kerja Kerajaan Kini Telah Terjual Lebih Dari **1000 Unit Dalam Masa 3 Bulan** Dilancarkan...Dapatkannya **RM30** hanya di [www.kerja-kerajaan.com](http://www.kerja-kerajaan.com) Dengan Pembelian ebook Rahsia Lulus Temuduga Kerja Kerajaan (versi kemaskini ke-2 ini) anda akan memiliki bonus-bonus ini secara percuma....

